

Orang-orang Aimak



700,000+ orang-orang Aimak di Afghanistan (anggaran)

Kemungkinan 200,000 orang-orang Aimak di Iran (anggaran)

Nama “Aimak” (perkataan Bahasa Mongolia yang bermaksud suku kaum) merujuk kepada suku-suku kaum yang tinggal di kawasan

Barat Afghanistan dan Timur Laut Iran yang kebanyakannya bergunung-ganang dan tandus. Orang-orang Aimak sebenarnya merupakan kumpulan lebih kurang 20 suku-suku yang kecil yang sejak masa silam telah bergabung melalui persetujuan dan juga talian perkahwinan. Suku-suku yang paling besar adalah Taiman, Char Hazara, Jamshid, Firozkuh dan Timur (ingat Wahyu 7:9). Pengaruh budaya suku-suku ini begitu kuat sehingga adat resam tempatan dan konsep tentang maruah dan keaiban menjadi lebih penting daripada undang-undang negara dan Islam.

Sebarang perselisihan lazimnya diselesaikan oleh ketua-ketua suku dan bukan kuasa-kuasa pemerintah.

Latarbelakang Ethnik:

Disebabkan penghijrahan dan juga penjajahan, orang Aimak merangkumi campuran suku-suku berbeza yang terbesar di dunia. Ciri-ciri ethnik bangsa Parsi, Mongolia, Turki, Yunani, Hun dan Arab semuanya wujud di kalangan orang-orang Aimak. Bahasa-bahasa yang dituturkan oleh orang-orang Aimak secara umum boleh dihuraikan sebagai bahasa Dari (Bahasa Farsi yang didapati di bahagian timur di Afghanistan).



Bahasa ini juga mengandungi perkataan-perkataan bahasa Turki dan Mongolia.

Kaum yang separuh nomad ini melalui musim bunga dan musim panas di daerah pergunungan bersama-sama dengan ternakan kambing dan biri-biri mereka. Pada musim luruh dan musim sejuk, mereka akan berpindah ke kampung-kampung mereka di mana mereka akan menenun permaidani dalam corak-corak tradisional, corak-corak ini berbeza bergantung kepada puak-puak yang menenunkannya. Mereka menanam gandum, anggur,

padi, barli, oat, tembikai, dan sayur-sayuran, kadang kala hanya menggunakan peralatan kuno seperti tajak dan bajak kayu. Pertanian masih dianggap kegiatan sampingan di dalam kebudayaan mereka, dan kekayaan seseorang ditentukan mengikut bilangan haiwan ternakannya. Setengah orang Aimak, seperti juga ramai orang Afghan yang lain, terlibat di dalam kegiatan dadah candu di Afghanistan.

Wanita: Kaum wanita Aimak menikmati banyak kebebasan berbanding dengan wanita yang lain di kawasan-kawasan luar bandar di

Afghanistan. Kaum wanita bebas duduk bersama dengan lelaki semasa bercerita, walaupun di kalangan orang yang tidak dikenali mereka. Sering kali seorang perempuan tidak akan berkahwin sehingga mereka berumur sekitar 18 tahun, dan mereka bebas untuk menolak atau menerima bakal suami yang dicadangkan oleh bapa mereka.

Walaupun orang Aimak merupakan orang Muslim Sunnah yang tidak celik huruf, namun mereka masih menyanjungi tokoh-tokoh Islam. Sekiranya ada, hanya



terdapat segelintir sahaja pengikut Yesus di kalangan orang Aimak. Siaran-siaran radio Kristian pernah dibuat di dalam bahasa Dari dan Farsi, namun tidak diketahui setakat mana siaran-siaran ini diterima oleh orang-orang Aimak di Afghanistan.

BAHAN-BAHAN DOA:

- *Masih banyak yang perlu dilakukan untuk menjangkau suku ini dengan Injil. Berdoalah bagi orang-orang*

percaya yang sesuai untuk membawa pesanan ini, bahan-bahan media dan membuka pintu-pintu ke dalam suku ini (Lukas 10:2; 2 Tesalonika 3:1).

SUKU-SUKU DI AFGHANISTAN

Kebanyakan daripada 27 juta penduduk di Afghanistan beragama Islam. Kebanyakan mereka tidak pernah terdedah kepada Injil. Di antara 10 kumpulan ethnik yang terbesar di Afghanistan, hanya empat

yang mempunyai bahagian-bahagian Kitab-kitab Suci di dalam bahasa asli mereka. Hanya sedikit di antara kumpulan-kumpulan ethnik yang ada siaran Kristian atau filem 'Yesus' di dalam bahasa mereka sendiri. Kemungkinan 85% orang Afghanistan tidak pernah mendengar Injil.

www.30-days.net

www.30daysfire.net

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim

